

1013

STATUS HUBUNGAN ANTARA ISTERI-ISTERI DALAM POLIGAMI: ANALISIS TERHADAP PERBINCANGAN HUKUM-HUKUM FEKAH.

Abdul Hakim Bin Baharudin @ Ismail, Amzan Bin Satiman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

abdulhakim@kuis.edu.my

ABSTRAK

Keharusan berpoligami dalam Islam telah dijelaskan dalam Surah An-Nisa' ayat 3. Ia bermaksud menghawini lebih daripada seorang isteri pada waktu yang sama. Hubungan antara isteri-isteri yang dimadukan dengan suami mereka adalah sama sahaja seperti perkahwinan dengan seorang isteri dari aspek hukum dan tanggungjawab. Walaubagaimanapun, hubungan antara sesama isteri-isteri yang dimadukan itu tidak dapat ditentukan secara jelas melainkan ia hanya dibincangkan pada permasalahan tertentu dalam fekah oleh para ulamak. Oleh itu, perbincangan para fuqahak yang berkaitan dengan isteri-isteri yang dimadukan seperti pengasingan tempat tidur, pembahagian hari dan lain-lain akan dianalisis untuk menilai status hubungan yang wujud antara mereka dalam Islam. Perbincangan para fuqahak dalam hukum-hukum fekah telah menunjukkan bahawa terdapat hak-hak dan kewajipan tertentu sesama isteri yang dimadukan.

Kata Kunci: Status madu, Poligami, Giliran isteri, Pengasingan bilik, Teman musafir

1. PENGENALAN

Sistem kekeluargaan Islam serta hukum hakam yang terperinci berkenaan telah diatur dengan baik dalam memastikan institusi keluarga mampu menjadi tulang belakang kepada kewujudan masyarakat yang harmoni. Perbincangan bermula daripada soal pemilihan calon pasangan, pertunangan, perkahwinan dan perceraian sehingga kepada penyelesaian masalah hak penjagaan anak dan pembahagian harta pusaka. Tidak kurang juga dibincangkan isu-isu berkenaan poligami lantaran ia adalah satu bentuk perkahwinan yang disyariatkan dalam Islam.

Kebanyakan para pengarang buku berkenaan poligami dalam Islam membahaskan berkenaan asas dan dalil keharusan berpoligami. Antara tujuannya adalah untuk menjawab persoalan-persoalan dan menghilangkan keraguan terhadap pensyariatan poligami dalam Islam yang ditimbulkan oleh masyarakat dan golongan orientalis. Manakala isu-isu dalam berkaitan poligami seringkali difokuskan kepada kesediaan suami untuk menggalas tanggungjawab berpoligami iaitu melibatkan kemampuan memberikan nafkah, keadilan dalam melayani para isteri dan menguruskan rumah tangga.

Umumnya, hubungan antara suami dan isteri sama ada perkahwinan monogami atau poligami tidak terdapat perbezaan yang ketara. Justeru tuntutan menunaikan kewajipan dan hak berkaitan suami dan isteri adalah sama secara asasnya. Ia melibatkan kewajipan memberikan nafkah kepada isteri dan melindunginya serta tanggungjawab isteri mentaati suami, menjaga maruah diri dan suami. Walaubagaimanapun, terdapat pada permasalahan tertentu yang dibincangkan oleh fuqahak berkenaan hak-hak isteri-isteri apabila mereka dimadukan. Antara tujuannya adalah untuk menjamin keadilan dan menjaga maruah antara sesama mereka.

Antara perbincangan khusus yang melibatkan perkahwinan poligami adalah pembahagian hari bersama isteri, hak mendapatkan kediaman yang tenang dan pemilihan sebagai teman ketika bermusafir. Oleh itu, kertas ini cuba menghimpunkan perbincangan yang menjelaskan hukum-

hukum yang melibatkan hak dan tanggungjawab antara isteri-isteri yang dimadukan. Seterusnya melakukan analisis terhadap perbincangan para ulamak untuk menilai hubungan yang wujud antara mereka.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian pada tajuk ini dilakukan secara kualitatif iaitu dengan melakukan carian maklumat yang berkaitan dengan pensyariatan poligami dalam Islam. Kebanyakan maklumat bertulis yang diperolehi daripada buku-buku yang membincangkan persoalan berkenaan poligami selain kitab-kitab fekah yang menjadi rujukan utama. Seterusnya penelitian dan analisis difokuskan kepada pandangan para ulamak dan penulis buku terhadap hak-hak yang melibatkan para isteri apabila mereka dimadukan. Secara tidak langsung, kaitan dan interaksi yang mungkin wujud antara mereka boleh dikenalpasti.

3. PENGENALAN POLIGAMI

3.1 Definisi

Poligami didefinisikan sebagai “amalan beristeri lebih daripada satu orang pada masa yang sama” (Dewan Bahasa dan Pustaka). Perkataan ini berasal daripada *polygamy* dalam bahasa Inggeris yang mempunyai pengertian yang sama (Encyclopedia Britannica). Dalam bahasa arab pula sering disebut sebagai ta’addud al-zaujat (تعدد الزوجات) iaitu dengan maksud berbilang isteri.

3.2 Dalil

i. Al-Quran

Firman Allah Taala:

وَإِنْ خَفِئْتُمْ أَلَا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَإِنْ كَحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ مَتْنَىٰ وَثَلَاثَ وَرُبَاعَ فَإِنْ خَفِئْتُمْ أَلَا
تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكُتُمْ إِيمَانُكُمْ ذَلِكَ أَذْنَىٰ أَلَا تَعُولُوا ○

Maksudnya:

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin Dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

(Surah Ali Imran: 3)

ii. Hadis

قال وهب الأسدى - قال أسلمت وعندى ثمان نسوة ذكرت ذلك للنبي - صلى الله عليه وسلم - فقال
النبي - صلى الله عليه وسلم - اختر منها أربعاً.

Maksudnya:

Berkata Wahab bin Al-Asdy: Ketika aku memeluk Islam, aku mempunyai lapan orang isteri dan aku memberitahu berkenaan kepada Rasulullah S.A.W. Maka jawab Rasulullah S.A.W, pilihlah empat orang daripada mereka.

(Riwayat Abu Daud)

عن ابن عمر : أن غيلان بن سلمة التقى أسلم وله عشر نسوة في الجاهلية فأسلمن معه فأمره النبي صلى الله عليه وسلم أن يتخير أربع منهن

Maksudnya:

Daripada Ibnu Umar, sesungguhnya Ghilan Bin Salamah Al-Thaqafy telah memeluk Islam dan mempunyai sepuluh isteri ketika jahiliyyah. Kesemua mereka memeluk Islam bersamanya maka Rasulullah S.A.W memerintahkannya supaya memilih empat daripada mereka.

(Riwayat Tirmizi)

عن نوفل بن المغيرة : قال أسلمت وتحتى خمس نسوة فسألت النبي صلى الله عليه وسلم فقال فارق واحدة وأمسك أربعا

Maksudnya:

Daripada Naufal bin Al-Mughirah, kata beliau: Aku telah memeluk agama Islam dan aku mempunyai lima orang isteri. Maka aku bertanya kepada Rasulullah S.A.W, jawab baginda S.A.W, ceraikan seorang daripada mereka dan kekalkan bersama empat yang lain.

(Riwayat Al-Baihaqi)

Berdasarkan dalil Al-Quran dan hadis di atas, hukum berpoligami dalam Islam adalah diharuskan oleh syarak. Manakala jumlah isteri yang dibenarkan kepada umat Rasulullah S.A.W untuk dipoligami dalam satu-satu masa adalah seramai empat orang sahaja (Haikal, 1982). Ayat tiga surah Ali Imran juga secara jelas menetapkan keharusan berpoligami adalah di atas dasar untuk mengelakkan kezaliman dan bukan penyebab berlakunya kezaliman.

4. Bentuk-bentuk hubungan kekeluargaan yang ditetapkan dalam Islam

Islam mengiktiraf hubungan kekeluargaan sebagai keutamaan untuk dilakukan hubungan baik dan dicurahkan kasih sayang. Selain ia adalah perkara yang diterima oleh naluri manusia ia juga ditentukan tanggungjawab dan hak-hak yang perlu dipenuhi seperti ketetapan-ketetapan syarak. Banyak dalam ayat-ayat al-Quran menyebut tentang perkara ini, antaranya;

Bentuk-bentuk hubungan bersifat kekeluargaan yang diiktiraf dalam Islam boleh diteliti dalam perbincangan para fuqahak dalam bab pewarisan harta pusaka. Terdapat tiga faktor pewarisan harta, iaitu;

i. Al-Qarabah atau Al-Nasab

Ia merujuk kepada keluarga yang mempunyai pertalian darah atau keturunan yang meliputi beberapa status pertalian, iaitu (Muhammad Al-Zuhaily, 2007);

- a) Usul, hubungan pertalian darah ke atas seperti ibu bapa dan datuk
- b) Furu', hubungan pertalian darah ke bawah seperti anak dan cucu
- c) Furu' al-Abawain, hubungan pertalian darah ke bawah bagi kedua ibu bapa iaitu adik beradik
- d) Furu' al-Ajjad, hubungan pertalian darah ke bawah bagi datuk dan nenek iaitu ibu dan bapa saudara serta sepupu.

ii. Perkahwinan

Ia adalah akad pernikahan yang sah diantara lelaki dan perempuan yang dihalalkan oleh syarak. Terdiri daripada seorang suami dan seorang isteri atau lebih.

iii. *Al-Wala'*

Hubungan antara tuan dan hamba yang telah dibebaskannya. Apabila hamba ini meninggal dunia dan tiada waris yang boleh mewarisi hartanya, maka bekas tuannya layak mewarisi harta yang ditinggalkan.

Tiga bentuk hubungan di atas adalah hubungan kekeluargaan atau menyerupainya yang wujud dalam Islam sehingga melayakkan seseorang mewarisi harta daripada yang lain. Pewarisan harta ini menggambarkan keakraban ikatan yang wujud antara waris dan pewaris. Jika ingin ditentukan status hubungan antara isteri-isteri yang dimadukan pada bentuk-bentuk hubungan di atas, hubungan *al-qarabah* dan *al-wala'* langsung tidak boleh disesuaikan. Manakala hubungan melalui perkahwinan pula, ia adalah hubungan antara suami dengan setiap isteri kerana akad pernikahan adalah melibatkan pengantin lelaki dan perempuan. Maka hubungan antara isteri-isteri yang dipoligami tidak dapat dikaitkan dengan ketiga-tiga bentuk hubungan di atas.

5. Hubungan isteri-isteri yang dimadukan berdasarkan hak dan tanggungjawab

Selepas mendapati bahawa hubungan antara isteri-isteri yang dipoligami tidak dapat dikaitkan dengan tiga bentuk hubungan kekeluargaan yang ditentukan syarak, hubungan yang masih boleh diteliti antara mereka adalah berkaitan hak dan tanggungjawab yang wujud antara mereka. Hak dan tanggungjawab ini adalah berdasarkan ketetapan syarak pada aspek-aspek tertentu dalam kehidupan berumah tangga bersama suami mereka. Untuk itu, beberapa aspek dipilih untuk dianalisis, iaitu:-

5.1 Giliran isteri

Berlaku adil terhadap isteri-isteri yang dinikahi dalam memberikan nafkah dan pembahagian hari adalah perkara yang dituntut ke atas suami. Sebagaimana seorang isteri yang dinikahi oleh suaminya berhak disediakan keperluan hidup secukupnya, maka lebih lagi bagi isteri-isteri yang dimadukan mereka perlu dilayan dengan adil oleh suami mereka. Perkara ini dijelaskan oleh Allah Taala dalam firmanNya;

وَلَنْ تَسْتَطِعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ فَلَا تَمْلِأُوا كُلَّ الْمُغْلَقَةِ وَإِنْ تُصْلِحُوا وَتَنْتَهُوا
فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفُورًا رَّحِيمًا

Maksudnya:

Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya); oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awan-awan); dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu), dan memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(Surah An-Nisa': 129)

Dalam menjelaskan ayat di atas, imam Syafie menegaskan, suami langsung tidak boleh berlaku zalim kepada para isterinya walaupun dalam soal pembahagian hari (Al-Syahrani, 2008). Ayat di atas juga menjelaskan, suami perlu berlaku adil kepada isteri-isteri mereka dalam soal nafkah dan tanggungjawab zahir sahaja dan tidak diberatkan dalam perkara hati dan rasa cinta (Ibnu Kathir, 1999). Rasulullah S.A.W ada memberikan amaran kepada suami yang berlaku tidak adil kepada isteri-isteri mereka dengan melebihkan sebahagian daripada mereka berbanding yang lain;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: مَنْ كَانَ لَهُ امْرَأَتَانِ ، فَمَا لِلَّهِ أَحَدٌ إِذَا هَمَا دُونَ الْأَخْرَى جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَشَقَّهُ مَا تَلَّ

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah R.H, daripada Rasulullah S.A.W, sabda baginda: Sesiapa yang mempunyai dua orang isteri dan dia cenderung kepada salah seorang daripada mereka, dia akan dibangkitkan di hari akhirat dalam keadaan condong sebelah bahunya.

Membahagikan hari giliran isteri-isteri adalah sunnah Rasulullah S.A.W dalam melayani para isteri baginda. Antara yang diriwayatkan daripada Rasulullah S.A.W berkaitan pembahagian hari bersama dengan isteri-isterinya adalah:-

أَنْ سُودَةَ وَهَبَّتْ يَوْمَهَا لِعَائِشَةَ

Maksudnya:

Sesungguhnya Saudah telah menghadiahkan harinya kepada Aisyah

Tanggungjawab pembahagian hari yang adil di setiap rumah isteri yang dipoligami termasuklah sekiranya isteri itu di kalangan ahli kitab atau hamba. Perkara ini dibincangkan oleh Imam Syafie:

وَكَذَلِكَ كُلُّ حِرَةٍ مَعَهُ مُسْلِمَةٌ وَكُتَابِيَّةٌ يُوفِيهِنَّ الْقُسْمَ سَوَاءٌ عَلَى يَوْمِينِ لِكُلِّ وَاحِدَةٍ وَيُومًا لِلَّامَةِ

Maksudnya:

Dan begitu juga setiap isteri merdeka bersamanya yang beragama Islam dan ahli kitab, ditunaikan pembahagian hari bersama mereka sama ada dua hari bagi setiap yang merdeka dan satu hari bagi yang hamba.

Namun begitu, pembahagian hari yang adil dikalangan isteri bukanlah bermaksud keadilan dalam persetubuhan atau nafkah batin. Pembahagian hari ini adalah sebagai bentuk keadilan tempoh suami bersama dengan setiap isterinya (Al-Zuhaily, 2009). Ibnu Munzir berpandangan, pembahagian hari bagi isteri-isteri yang dipoligami adalah giliran pada setiap hari berdasarkan kepada hadis Saudah yang memberikan giliran harinya kepada Aisyah. Tidak ada hujah yang menunjukkan Rasulullah S.A.W membuat giliran lebih pada satu hari (Al-'Aini, 2006).

Diantara perkara yang menunjukkan pembahagian hari merupakan hak isteri adalah seorang isteri boleh memberikan giliran harinya kepada isteri yang lain. Perkara ini disepakati oleh para fuqahak bersandarkan kepada perbuatan Saudah. Tetapi perkara ini hanya boleh berlaku dengan wujudnya kerelaan daripada isteri tersebut dan suaminya. Kerana suami sendiri mempunyai hak untuk bersama isteri tersebut (Al-Zuhaily, 2009).

5.2 Pengasingan bilik atau tempat kediaman

Pada asasnya setiap isteri berhak mendapatkan tempat tinggal yang berasingan daripada isteri yang lain. Ia adalah bertujuan mengelakkan kemudaratannya ke atas mereka yang boleh mengundang kebencian sesama isteri dan mengganggu hubungan mesra antara suami isteri. Tetapi suami boleh menyediakan sebuah rumah untuk didiami oleh isteri-isterinya secara bersama sekiranya dipersetujui oleh mereka.

Sekiranya isteri-isteri yang dimadukan tinggal di rumah yang sama, terdapat beberapa perkara yang perlu dijauhi. Antara perkara yang diharamkan dalam Islam adalah melakukan hubungan suami isteri di hadapan isteri yang lain walaupun dengan kerelaan kedua-dua mereka kerana ia adalah perbuatan yang keji dan menjatuhkan maruah. Tambahan pula, seorang isteri masih perlu menjaga aurat daripada dilihat oleh yang lain (Al-Syahrani, 2008). Walaubagaimanapun tidak menjadi halangan kepada suami untuk tidur bersama-sama isteri-isterinya dengan satu selimut sekiranya ia tidak menyinggung perasaan mereka (Al-Zuhaily, 2008).

5.3 Teman ketika bermusafir

Apabila bermusafir, seorang suami boleh membawa kesemua isterinya bersama-sama atau meninggalkan kesemuanya dan itu tidak menimbulkan persoalan. Tetapi sekiranya dia ingin membawa salah seorang sahaja daripada isterinya, fuqahak ada membincangkan cara penyelesaiannya. Pandangan pertama menyatakan suami boleh sahaja memilih sesiapa dikalangan isterinya yang ingin dibawa bersama sebagai teman kerana suami mempunyai kuasa untuk memilih.

Manakala pandangan kedua pula menyatakan, suami perlu membuat undian kepada isteri-isterinya kerana ia lebih adil bagi isteri. Sekiranya suami membuat pilihan sendiri dengan memilih seorang daripada mereka, perbuatan itu seolah-olah menunjukkan dia lebih cenderung kepada isteri tersebut dan kecenderungan ini termasuk dalam perkara yang dilarang oleh syarak (Al-Syahrani, 2008).

Setelah meneliti ketiga-tiga aspek perbincangan oleh para fuqahak berkenaan hak dan tanggungjawab yang melibatkan isteri-isteri yang dimadukan, hubungan yang wujud antara mereka tidaklah begitu kuat. Ini kerana hak yang wujud adalah hanya kerana ikatan perkahwinan antara mereka dan suami mereka. Sekiranya berlakunya perceraian hak-hak tersebut akan hilang. Disamping itu, hak-hak ini ditetapkan oleh syarak untuk menjamin keadilan suami dalam memberikan nafkah dan melayani isteri-isterinya. Tidak dinafikan hak-hak yang dijamin dalam Islam ini membentuk interaksi antara isteri-isteri yang dimadukan antaranya seorang isteri boleh menggugurkan haknya untuk diberikan kepada isteri yang lain, tetapi ia juga tertakluk kepada keizinan suami.

6. KESIMPULAN

Syariat Islam yang menyokong kehidupan bersosial manusia telah menjadi poligami sebagai perkahwinan yang diharuskan. Selain ianya sebagai memenuhi keperluan individu, ia juga menyelesaikan permasalahan yang mungkin timbul pada situasi-situasi tertentu seperti selepas peperiksaan. Ikatan kekeluargaan yang besar akan menjalinkan rasa kasih sayang antara ahli-ahlinya dan akhirnya mengukuhkan pembinaan masyarakat yang bertoleransi.

Biarpun status hubungan antara isteri yang dimadukan tidak dapat dikaitkan dengan hubungan kekeluargaan yang diiktiraf oleh syarak, hak-hak yang dijamin ke atas mereka boleh mewujudkan interaksi yang harmoni antara mereka. Disamping itu, mereka berkongsi tanggungjawab mentaati suami yang sama serta anak-anak mereka adalah adik beradik sebapa yang berstatus mahram.

7. RUJUKAN

- Al-‘Aini, Mahmud bin Ahmad, Umdah Al-Qari’ Syarh Sahih Bukhari, Beirut: Dar Al-Ihya’ Al-Turath.
- Al-Syahrani, Muhammad bin Sa’d Baqnah, (2008), Suaalat fi Ta’addud al-Zaujat, Muassasah Al-Rayyan Li-al-Taba’ah Wa al-Nasr Wa al-Tauzi’.
- Al-Zuhaily, Muhammad, (2007), Al-Mu’tamad Fi al-Fiqh al-Syafie, Dimasyq: Dar Al-Qalam.
- Al-Zuhaily, Wahbah, (2008), Al-Usrah Al-Muslimah fi al-‘Alam al-Muasir, Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaily, Wahbah, (2009), Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu, Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Haikal, Abdul Tawwab, (1982), Ta’addud Al-Zaujat fi Al-Islam wa Hikmah Al-Ta’addud fi Azwaji Al-Nabiy: Dahdhun Syubuhat wa Raddun Muftarayat, Dimasyq: Dar Al-Qalam.
- <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=poligami> (dilihat pada 1 Julai 2017)
- <https://www.britannica.com/search?query=polygamy> (dilihat pada 1 Julai 2017)
- Ibnu Kathir, Ismail bin Umar bin Kathir Al-Qurasyi Al-Dimasyqi, (1999), Tafsir al-Quran al-‘Azim, Dar Taybah Li al-Nasr Wa al-Tauzi’.